



Tiga puteri Minang dalam sinar memancar di-Balai Budaya sama mendendangkan "Talago Biru". Dari kiri: Zilni, Emy dan Ina.

**A**ntara Semenanjung Tanah Melayu dengan bumi Sumatera yang juga di-kenal dengan sebutan Pulau Andalas ada sa-suatu yang sentiasa "maimbau" hati dan rasa penduduk2-nya, ia-itu imbauan naluri persaudaraan yang telah terjalin sejak berzaman lamanya. Di-sedari atau tidak, kita sama merasakan dekatnya antara kedua daerah ini, sa-hingga sa-akan2 terdengar jantung yang berdenyut dan nadi yang berdetik.

# HAMPARAN HATI

## malam dermawan

### Semalam

### Diranah Minang

Perasaan itu terbukti di-Balai Budaya malam ini apabila kita melihat tari yang di-tarikan, nyanyi yang di-nyanyikan dan wajah tersenyum riang. Dan jika terdapat perbedzaan, maka perbedzaan itu tentang chara penguchapan-nya, tentang senjuh dan gerak yang chergas dan segar. Paling utama dari segala ini ia-lah dalam apa jua rentak dan lagu-nya mereka tetap dengan sifat asli-nya yang memancharkan keperibadian bangsa.

Kegembiraan menyambut kunjungan rombongan Muhibbah Kesenian Sumatera Barat ini sa-makin melimpah kerana kedatangan mereka bukan sa-kadar membawa salam ra'ayat Sumatera yang di-lafadzkan melalui nyanyi dan tari, tetapi "ikut membangun jambatan yang akan menghubungkan antara hati dan hati ra'ayat serta pemerintah Indonesia dan Malaysia" sa-bagaimana amanat dari Bapak Harun Zain, Gabenor Kepala Daerah Sumatera Barat yang saya muliakan.

Malam terselam sudah rasa-nya betapa "gadang makasuik nan di-tuju" dari hati dan jantung kedua ra'ayat nan selalu maimbau2 itu. Alang-kah bahagiannya hati kita dan besar-nya budi yang di-junjung kerana kunjungan rombongan muhibbah ini di-istimewakan pula untok membantu kutipan derma Universiti Kebangsaan yang dalam tempoh tidak berapa lama lagi, insha'Allah, akan menjelma menjadi suatu kenyataan. Tiap orang yang sedar dan insaf akan menahan ombak keharuan-nya oleh budi rombongan muhibbah ini, yang sanggup menyeberangi selat Melaka sa-mata2 untok menyumbangkan amal menegakkan Universiti Kebangsaan.

Mudah2an segala ini—nilai seni-nya dan nilai budi-nya—akan menjadi chontoh kapada tiap ra'ayat Malaysia yang sa-harus-nya mempunyai tanggungjawab menegakkan keperibadian-nya baik dalam kesenian mahu pun dalam chorak pelajaran-nya. Penghargaan yang tinggi harus-lah juga di-berikan kapada Y.B. Dato' Haji Abdul Samad Idris, Timbalan Menteri Besar Negeri Sembilan yang mengambil daya-

utama dalam mengusahakan kedatangan rombongan muhibbah ini. Tidak kurang juga penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sembilan yang menjadi tuan rumah rasmi kepada rombongan muhibbah ini.

Kapada Ketua dan Penangong-jawab Umum rombongan muhibbah ini, Letkol (L) Drs. Achirol Jahja, Walikota Daerah Kota Madya Padang dan sakalian anggota rombongan, terima-lah ucapan terimakasih saya bagi pihak Dewan Bahasa dan Pustaka yang berkesempatan menganjorkan pertunjukan selama dua malam berturut2 ini, dan sampaikan-lah salam muhibbah dari keharuan hati kami di-sini kepada Bapak Gabenor Daerah Sumatera Barat dan ra'ayat Sumatera yang kami chintai.

Budi yang telah di-anugerahkan sa-lama-nya terkalong di-tangkai hati kami yang sentiasa dalam ingatan dan kenangan, laksana orang "nan sentiaso takanang kakampuang."

*Pohon bergoyang angin berhembus,  
Tundok dedalu di-pukul ribut,  
Ayer di-chinchang tiada putus,  
Bidok lalu kiambang bertaut.*

Kuala Lumpur,  
11hb. November, 1968.

SYED NASIR BIN ISMAIL  
Pengaroh DBP

#### CHATETAN

Renchana ini di-petik dari buku chenderamata MALAM DERMAWAN anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka di-Balai Budaya pada 11 dan 12 November, 1968 dengan seluroh persembahan-nya oleh Rombongan Kesenian Sumatera Barat untuk mengutip derma Universiti Kebangsaan.



*Rang mudo tigo sabayo dalam duka dan ria-nya di-Balai Budaya menchurahkan rasa hati-nya "Banyak urang karam dilauit, hambo surang karam diati" dalam lugu Lambok Malam. Dari kiri: Sjarfarli, Omo Zainuddin dan Asje Nawar.*

